

19 NOV 1999

Bank-China

PERSATUAN MINTA K'JAAN M'SIA-CHINA SELESAIKAN ISU BANK CHINA DI M'SIA

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Persatuan Persahabatan Malaysia-China (PPMC) hari ini meminta kerajaan China dan Malaysia menggunakan peluang lawatan Perdana Menteri China Zhu Rongji ke negara ini minggu depan untuk membincangkan isu pembukaan semula bank China di negara ini.

"Kami berharap pada masa China menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia, lawatan dan pertemuan Zhu dan Dr Mahathir akan dapat menyelesaikan masalah pembukaan semula bank China di Malaysia dan memulakan operasi bank Malaysia di China," kata pengerusi PPMC Datuk Dr Usman Awang dalam satu kenyataan hari ini.

Dr Usman berkata kerajaan kedua-kedua negara juga harus mengambil peluang daripada lawatan Zhu, mulai Isnin, itu untuk mengembangkan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan.

Ini katanya adalah selaras dengan situasi semasa di negara ini apabila semakin ramai masyarakat Melayu menggalakkan anak-anak mereka mempelajari Bahasa Cina.

"Oleh yang demikian kami berharap negara China boleh membuka pintunya dengan memberi insentif supaya kumpulan ini boleh belajar di negara terbabit," katanya.

Dr Usman juga meminta persatuan-persatuan kebudayaan di negara ini meningkatkan interaksinya dengan persatuan kebudayaan di China.

"Pada masa ini hubungan kebudayaan antara kedua-dua buah negara ini masih merupakan interaksi sehalu oleh negara China,"nya.

Lawatan Zhu ke Malaysia merupakan sebahagian daripada kunjungan beliau ke rantau ini sebelum menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi di Manila.

-- BERNAMA

NM LAT